# MyAgeingTM UPM anjur pertandingan reka bentuk pembangunan warga emas

Oleh Khairul Anuar Muhamad Noh




SERDANG – Sebanyak 48 kumpulan melibatkan institut pengajian tinggi awam dan swasta telah menyertai pertandingan *Retirement Oriented Development Design Competition 2019* (RODDC2019) iaitu pembangunan kawasan yang memenuhi keperluan warga emas baru-baru ini.

Tempat pertama dimenangi oleh kumpulan pereka dari Universiti Sains Malaysia dengan reka bentuk pembangunan bertajuk Hyden Park dengan membolot hadiah RM10,000, kedua Universiti Teknologi Malaysia bertajuk The Mount Link dengan meraih hadiah RM8,000 dan ketiga Universiti Teknologi Mara bertajuk Kaseh Sanctuary dengan mendapat hadiah RM6,000.

Pengarah Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (MyAgeing™), Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Ir. Dr. Siti Anom Ahmad berkata konsep pertandingan ialah *Tropical, Sustainable and Enabling Senior Living*.

"Pertandingan menugaskan peserta untuk merancang penyelesaian yang mampan bagi pembangunan kawasan seluas 23 hektar di (UPM) Serdang yang memenuhi keperluan pelbagai kumpulan sasaran dan berorientasi warga emas.

"Peserta akan dicabar untuk mempertimbangkan reka bentuk yang cukup fleksibel bagi menampung saiz penghuni yang berbeza dari segi warga emas, keluarga, profesional bujang, pasangan, milenium selain mengambilkira keperluan mereka yang pelbagai," katanya pada majlis penyampaian hadiah RODDC2019 secara maya di MyAgeing™ UPM.

Beliau berkata objektif RODDC2019 untuk menggalakan generasi pereka muda untuk merancang dan merekabentuk pembangunan dengan kemudahan yang dapat memenuhi keperluan yang berbeza pada peringkat yang berbeza dalam kitaran kehidupan.

Pertandingan yang dianjurkan oleh MyAgeing™ dan Fakulti Rekabentuk dan Seni Bina, UPM dengan kerjasama Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) dibuat di MyAgeing™, UPM dengan menawarkan wang tunai bernilai RM45,000 yang ditaja oleh pihak Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

Sempena Hari Warga Emas Kebangsaan 2020 yang disambut setiap bulan Oktober, MyAgeing™ turut menganjurkan wacana ilmu secara maya bertajuk *Age Friendly City: The Future of Community Living* yang membincangkan persediaan Malaysia ke arah "negara tua" dengan peningkatan populasi warga emas di Malaysia dijangka akan meningkat melebihi 5.1 juta, atau 15% daripada populasi penduduk Malaysia pada tahun 2034.

Dr. Siti Anom berkata turut dibincangkan ialah peranan yang perlu diambil oleh pihak pembuat dasar bagi memastikan warga emas mempunyai akses kepada persekitaran kediaman yang kondusif untuk kehidupan yang lebih sempurna.




LIHAT JUGA



Program pengenalan pelajar baharu Jabatan Fizik dibuat secara atas talian (/berita/program_pengenalan_pelajar_baharu_jabatan_fizik_dibuat_secara_atas_talian-59155)



MyAgeingTM UPM anjur pertandingan reka bentuk pembangunan warga emas (/berita/myageingtm_upm_anjur_pertandingan_reka_bentuk_pembangunan_warga_emas-59150)


Inovasi madu kelulut jadi penyalut edibel hasil pertanian (/berita/inovasi_madu_kelulut_jadi_penyalut_edibel_hasil_pertanian-59147)

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
+603-9769 1000
---
marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)

B1605144859




BM

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

Tarikh Input: 06/11/2020 | Kemaskini: 06/11/2020 | hairul_nizam

**PERKONGSIAN MEDIA**

(https://www.addtoany.com/share#url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fmyageingtm_upm_anjur_pertandingan_reka_bentuk_pembangunan_warga_emas-59150&title=MyAgeingTM%20UPM%20Anjur%20Pertandingan%20Reka%20Bentuk%20Pembangunan%20Warga%20Emas%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
(/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress) (/#print)

**HUBUNGI KAMI**

**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000

---

marketing@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)
03-9769 7990 | 03-9769 7470 | 03-9769 1999

**PERKHIDMATAN DALAM TALIAN**

Sistem Permohonan ke Luar Negara (http://bursar1.upm.edu.my/spln/)
Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my/)
KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home)
Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/)
Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/)
Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)
Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)
Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)
i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp)
i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)
Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)

**PAUTAN LUAR**

Kementerian Pendidikan Malaysia (http://www.moe.gov.my/)
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my)
Multimedia Super Corridor (https://mdec.my/msc-malaysia/)
Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/en/home)
Agensi Kelayakan Malaysia (http://www.mqa.gov.my/)

**PAUTAN PANTAS**

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)
Statistik Transaksi Laman Web (http://www.upm.edu.my/statistik)
Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.my/)
Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/maklumat_korporat/piagam_pelanggan-8202)
Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenai_kami/dasar_universiti-5601)
Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)
Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.edu.my)
Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)
Takwim UPM 2020 (https://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20200218095115TAKWIM_UPM_2020-2.pdf)
UPM Flywire (https://landing-pages.flywire.com/landing/upm)

(http://www.putra.upm.edu.my) (http://portal.upm.edu.my)
(http://www.pertanika.upm.edu.my) (http://www.learninghub.upm.edu.my)
(http://www.psasir.upm.edu.my/) (https://smp.upm.edu.my)
(http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/) (http://eclaims.upm.edu.my/login/)
(http://reg.upm.edu.my/eISO/) (http://emel.upm.edu.my)

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss) Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937) UPM online (/footnote/upm_online-38695) Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2020 Universiti Putra Malaysia

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR

B1605144859